

Nawaitu media kritik kerajaan mesti ikhlas – Najib

Um - 26/11/2006

KUANTAN 25 Nov. – Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, media boleh bertindak sebagai pengkritik kerajaan tetapi ia perlu memiliki 'nawaitu' bahawa kritikan itu adalah bertanggungjawab dan bertujuan membina.

Beliau berkata, kerajaan bersedia untuk menerima teguran awal daripada media berbanding ditolak oleh rakyat akibat terlewat bertindak dalam sesuatu isu.

Namun, jelas beliau, teguran itu perlu berlandaskan 'nawaitu' yang baik kerana dalam sesetengah hal, hanya pihak media yang mengetahui niat di sebaliknya tindakan mereka menyebarkan sesuatu berita atau rencana.

"Lebih baik kita ditegur lebih awal sebelum rakyat mengetahui, kita tahu keseluruhan cerita dahulu daripada kita ditolak oleh rakyat

kemudian.

"Akhbar ada peranan, tetapi 'nawaitu' pihak akhbar, tujuan sesuatu itu diketengahkan dalam ruang-ruang akhbar sendiri, wujud satu pertalian yang berguna untuk masa depan kita.

"Kita sebagai pemimpin, sebagai manusia biasa pun kalau tidak ada pihak yang sanggup menegur kita, mungkin kita terbawa-bawa dengan kedudukan kita," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap merasmikan Majlis Pelancaran *KOSMO!* Peringkat Pahang, di Kompleks Yayasan Pahang di sini hari ini.

Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob; Pengerusi Eksekutif Utusan Melayu (M) Berhad, Tan Sri Mohamed Hashim Ahmad Makaruddin; Pengarah Eksekutif Kumpulan Utusan, Mohd. Nasir Ali; Ketua Pengarang Kumpulan, Khalid Mohd. dan Timbalan Ketua Pengarang Kumpulan, Hamzah Sidek.

Timbalan Perdana Menteri berkata, media juga perlu melihat peranannya secara holistik dan bukannya terikat kepada satu dimensi sahaja.

Katanya, dalam sistem demokrasi, untung nasib sesebuah kerajaan itu ditentukan oleh rakyat, justeru pengaruh besar media dalam menjana minda masyarakat perlu berlandaskan hakikat tersebut.

Pada sidang akhbar kemudiannya, Najib berkata, media tidak diberikan kebebasan mutlak oleh kerajaan tetapi ia perlu beroperasi atas kesedaran sendiri dengan mengambil kira per-

sekitarannya seperti masyarakat majmuk di negara ini.

Selain itu, kata beliau, adalah tidak adil jika masyarakat menilai kebebasan berita media arus perdana dengan bahan-bahan di Internet yang tidak ada kawalan langsung daripada kerajaan.

"Saya ingin lihat media memainkan peranan dengan mengeluarkan cerita-cerita yang tepat, benar dan seimbang, di samping itu tidak bererti media tak boleh memuatkan benda-benda diminati masyarakat seperti hiburan," katanya.

Dalam ucapannya pada majlis itu, Najib turut meluahkan kebimbangannya dengan sikap sesetengah rakyat memilih untuk membaca bahan-bahan yang rendah tahap intelektualnya.

Ini kerana, katanya, ketamadunan tinggi dan kemajuan sesuatu bangsa yang berjaya boleh dinilai melalui bahan pembacaan mereka.

"Agak sedih bila nak sebut kita ini bangsa maju, memiliki tamadun tinggi apabila akhbar atau majalah yang ada tahap intelektual yang tinggi gagal," katanya.

Najib berkata, antara kesedihan beliau dalam hal ini apabila majalah *MASSA* yang terkenal dengan kandungan intelektual terbitan Kumpulan Utusan terpaksa ditamatkan kerana tidak mendapat sambutan.

Justeru, beliau berharap, penerbitan akhbar *KOSMO!* yang memiliki hiburan berserta pembacaan intelektual akan dapat mengubah persepsi dan membawa perubahan sikap membaca masyarakat.